



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16 November 2015



Najib bersama pemimpin dunia pada Sidang Kemuncak Pemimpin G20 di Antalya, Turki, semalam.

[FOTO BERNAMA]

G20 fokus cabaran ekonomi global

BH - 16/11/2015

» Negara anggota sasar muktamad sidang dengan hasil praktikal

Antalya (Turki)

Sidang Kemuncak Pemimpin G20 bermula semalam dengan tumpuan utama kepada pertumbuhan global dan jangkaan pemimpin akan memberi reaksi kepada isu berkaitan keganasan dan krisis pelarian.

Dengan ketegangan pasaran kewangan sekarang dan kelembapan ekonomi pasaran pesat membangun, sidang kemuncak itu dijangka menumpukan kepada cabaran ekonomi global dan mengemas kini strategi pertumbuhannya.

Sidang kemuncak bermula dengan majlis meraikan pemimpin dunia pada tengah hari, antaranya Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama; Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden China, Xi Jinping.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga diraikan oleh hos sidang kemuncak, Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan di Regnum Carya Hotel yang juga lokasi sidang kemuncak itu.

Najib yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Turki sejak 13 November, menghadiri sidang kemuncak itu selaku Pengerusi ASEAN.



Najib bersalaman dengan Erdogan selaku hos Sidang Kemuncak Pemimpin G20.

[FOTO BERNAMA]

Difahamkan, semua pemimpin G20 menghadiri sidang kemuncak itu kecuali Presiden Perancis, Francois Hollande ekoran tragedi malang di Paris dan Presiden Argentina, Cristina Fernandez de Kirchner berikutan pilihan raya di negeranya.

13,000 tetamu
Azerbaijan, Sepanyol, Malaysia, Senegal, Singapura dan

Zimbabwe dijemput menghadiri sidang kemuncak Antalya bersama anggota G20. Dianggarkan, 13,000 tetamu, termasuk 2,469 anggota media menyertai sidang kemuncak selama dua hari itu.

G20 adalah forum perdana bagi kerjasama ekonomi dan kewangan global yang menghimpunkan bersama ekonomi pesat membangun dan ekonomi maju dunia yang me-

nyumbang kira-kira 85 peratus daripada keluaran dalam negara global.

Sidang kemuncak itu mengumpulkan negara individu - Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Itali, Jepun, Korea Selatan, Mexico, Russia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Turki, United Kingdom, AS dan Kesatuan Eropah.

Sasaran muktamad sidang

G20 menyasar memuktamadkan sidang kemuncak itu dengan hasil praktikal bagi bahagian keutamaan seperti pembangunan, perubahan iklim, perdagangan, pertumbuhan dan alam sekitar.

Selepas majlis meraikan pemimpin, mereka kemudian meneruskan sesi perbincangan pada tengah hari mengenai pembangunan dan perubahan iklim, disusuli sesi kerja seterusnya mengenai pertumbuhan inklusif yang membincangkan ekonomi global, strategi pertumbuhan, pekerjaan dan strategi pelaburan.

Sesi kerja seterusnya pada sebelah malam menyentuh mengenai cabaran global berkaitan keganasan dan krisis pelarian yang diadakan selepas majlis resepsi dan persembahan kebudayaan yang dihoskan oleh Perdana Menteri Turki, Dr Ahmet Davutoglu dan isteri.

Sidang kemuncak di Antalya didahului oleh Sidang Kemuncak G20 di Brisbane, Australia pada tahun 2014 yang menyaksikan pemimpin menerima pakai Pelan Tindakan Brisbane, bertujuan meningkatkan potensi pertumbuhan dunia sebanyak dua peratus dalam tempoh lima tahun.

Ia dijangka menambah US\$2 trilion (RM7.62 trilion) kepada pengeluaran dunia dengan kira-kira 1,100 langkah yang diusulkan oleh kerajaan anggota G20.

BERNAMA